



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

#### PELANTIKAN JURUTEKNIK SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

**PUTRAJAYA, 6 DISEMBER 2023** – Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) baru-baru ini mengumumkan pelantikan seorang Juruteknik sebagai Anggota Lembaga yang baharu. Pelantikan ini merupakan pengiktirafan Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kepada golongan Juruteknik yang sebelum ini hanya dilihat sebagai kakitangan sokongan teknikal dalam sesebuah industri.

“Pelantikan Tc. Mas Muhammad Haziq bin Saifuddin sebagai Anggota Lembaga MBOT yang baharu ialah satu usaha memartabatkan profesion Juruteknik sekaligus memberi pengiktirafan kepada graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat lebih tinggi terutama dalam mentadbir urus badan yang mengiktiraf golongan ini,” kata Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Mengupas latar belakang akademik, Tc. Mas Muhammad Haziq memiliki Diploma Teknologi Penyelenggaraan Pesawat dari Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL – MIAT) dan mendapat pendidikan aliran TVET di Kolej Vokasional Gombak. Berkecimpung lebih 10 tahun dalam bidang aeroangkasa serta minyak dan gas, beliau kini berkhidmat sebagai Juruteknik Enjin di GE Aerospace.

Dalam kenyataan yang sama, YB Tuan Chang Lih Kang turut menyatakan bahawa pengiktirafan ini diharap dapat memberikan inspirasi kepada para Juruteknik untuk mencipta lebih banyak pencapaian bukan sahaja dalam bidang teknikal, malah memainkan peranan pengurusan di peringkat yang lebih tinggi.

Serentak itu, Dr. Fazidah binti Abu Bakar iaitu Timbalan Ketua Pengarah (ICT), Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) turut dilantik sebagai Anggota Lembaga yang baharu.

### TAMAT ###

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**6 DISEMBER 2023**

## **Tentang Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)**

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal. MBOT telah ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk mengiktiraf, mengawal, menggalak dan membangunkan profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

t.nabila@mbot.org.my

+603-8800 6268/+6017-798 2604

## LAMPIRAN



Tc. Mas Muhammad Haziq bin Saifuddin



Dr. Fazidah binti Abu Bakar